

# Perkembangan dan Pencapaian Gerakan Wanita Era Pra Merdeka: Perbandingan Tanah Melayu dan Indonesia

Muhammad Rahimi Bin Hasan

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.

Email of corresponding author: muhdrahimihasan@gmail.com

Pergerakan wanita di Malaysia dan Indonesia berasal-muasal dan membangun dalam konteks era pra merdeka iaitu perjuangan kemerdekaan tanah air. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membandingkan aspek-aspek gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia berkaitan feminisme dan nasionalisme pada era pra merdeka yakni kemunculannya, perkembangannya dan pencapaiannya pada peringkat kebangsaan. Hal ini memandangkan fasa tersebut ialah dekad-dekad terawal gerakan wanita dalam dua buah komuniti Tanah Melayu dan Indonesia iaitu aktor utama yang boleh mewakili komuniti Nusantara atau Alam Melayu. Gerakan wanita ini dipertalikan melalui persamaan identiti; bahasa dan budaya serta perkongsian pengalaman sejarah sebagai tanah jajahan. Sehubungan itu, kertas kerja ini memiliki tiga objektif. Pertama bagi menjelaskan kebangkitan gerakan wanita yang berlandaskan semangat kebangsaan dan perjuangan anti kolonial. Kedua, menghuraikan sifat gerakan wanita yang wujud sepanjang perkembangannya pada era pra merdeka. Ketiga, menyorot pencapaian gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia sehinggalah tercapainya kemerdekaan tanah air. Daripada sudut metodologi, kajian ini dipandu berdasarkan rangkuman pendekatan yang dibincangkan oleh Landman (2000) iaitu (i) kajilidik perbandingan antara negara-negara secara kualitatif, (ii) perbandingan sejumlah kecil kes iaitu *binary comparison*, (iii) reka bentuk kajian *most similar system design* (MSSD) dan (iv) kajian berkait penentangan politik bukan secara kekerasan dan gerakan sosial. Jenis maklumat yang dimanfaatkan dalam kertas kerja ini ialah sumber primer dan sekunder. Dalam kajian perbandingan ini, didapati bahawa nasionalisme atau semangat kebangsaan semasa era pra merdeka di Tanah Melayu dan Indonesia amat signifikan dalam mencetuskan gerakan wanita, membentuk pola perkembangan dan struktur organisasi serta ideologi gerakan. Berdasarkan perbandingan antara gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia, didapati bahawa aspek cetusan dan perkembangan menunjukkan persamaan, sifat organisasi yang serupa dengan sekelumit perbezaan dan pencapaian gerakan sepanjang era pra merdeka yang menunjukkan perbezaan yang agak ketara daripada segi fokus isu wanita.

**Kata Kunci:** Feminisme; Nasionalisme; Gerakan Wanita; Tanah Melayu; Indonesia.

## 1. PENGENALAN

Gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia tercetus dan berkembang dalam persekitaran perjuangan kebangsaan era pra merdeka yang bertujuan menentang penjajahan sekali gus bagi membina negara bangsa. Dalam hal ini, Tanah Melayu dan Indonesia mencapai kemerdekaan tanah air pada tarikh 31 Ogos 1957 dan 17 Ogos 1945. Kemerdekaan bukan hanya bermaksud pembebasan sebuah bangsa terjajah daripada cengkaman kolonial British (Tanah Melayu) dan kolonial Belanda (Indonesia), bahkan bagi wanita ia bermakna suatu detik pengemansipasian wanita. Sehubungan itu, perjuangan gerakan wanita era pra merdeka harus diselidiki kerana ia menjadi acuan atau pencorak kepada gerakan wanita pada tahap pasca merdeka. Dalam kertas kerja ini, pengkaji berhasrat untuk membandingkan gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia daripada segi (i) kemunculan dan perkembangannya, (ii) sifat organisasi wanita dan (iii) tahap pencapaian. Perkara ini kerana di sebalik pertalian bahasa dan budaya antara kedua-dua entiti politik tersebut, isu hak wanita yang serupa, gerakan wanita di kedua-dua negara memperlihatkan tahap kemajuan yang berbeza. Melalui perbincangan ini, pengkaji tidak akan memperincikan aspek-aspek yang menjadi fokus perbandingan sebaliknya hanya menjelaskan aspek tersebut sekadar untuk memerihalkan secara ringkas tetapi padat mengenai persamaan dan perbezaan antara kedua-dua gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia.

## **2. KAJIAN FEMINISME-NASIONALISME TANAH MELAYU DAN INDONESIA**

Korpus kajian feminisme dan nasionalisme mulai berkembang ketika setengah dekad terakhir 1980-an iaitu setelah terbitnya kajian Jayawardena (1986) yang menemukan bahawa ideologi feminisme bukan ideologi yang dipaksakan dari dunia Barat ke atas Dunia Ketiga tetapi lebih merupakan fenomena tempatan. Sesuai dengan kajian ini, sorotan kajian dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu (i) konteks Tanah Melayu atau Malaysia, (ii) konteks Indonesia dan (iii) konteks di negara-negara lain selain Malaysia dan Indonesia. Dalam konteks Tanah Melayu, kajian-kajian yang dijalankan adalah seperti Asiah (1960), Maznah (2002), Ng et al. (2006), Makmor (2006), Ting (2013); Ruhana (2013), Welyne (2013), Muhammad Rahimi (2014) dan Nik Safiah & Rokiah (2016). Sementara itu, bagi konteks Indonesia pula seperti Vreede-de Stuers (1960), Sukanti (1984), Jayawardena (1986), Wieringa (2002), Martyn (2005), Pujiati (2007), Blackburn (2013) dan White (2013). Terdapat kajian-kajian dalam konteks negara-negara lain seperti Jayawardena (1986), West (1997), Sunseri (2000), Hee-Kang (2009), Sudhir Kumar (2010), Blackburn & Ting (2013). Berdasarkan sorotan kajian lepas, jelaslah bahawa kajian bertemakan 'feminisme dan nasionalisme' tidak diteliti berdasarkan kaedah perbandingan antara dua buah negara. Hanya kajian berdasarkan sampel sebuah negara ataupun pelbagai negara melibatkan lebih daripada dua buah negara dijalankan. Oleh itu, mengapakah kajian perbandingan antara dua negara ini perlu dilaksanakan? Pengkaji berpendapat bahawa kajian sedemikian perlu, setidaknya untuk kes Tanah Melayu dan Indonesia kerana 'keserumpunan' dua entiti politik ini menjadikan ia kajian kes yang unik bukan sahaja kerana kemiripan dua negara ini tetapi juga kerana adanya pertalian antara kedua-dua negara yang dimungkinkan persamaan bahasa, budaya dan agama sekali gus persamaan isu-isu yang menghambat gerakan wanita.

## **3. GERAKAN WANITA DI TANAH MELAYU DAN INDONESIA: 'SERUMPUN, NAMUN TIDAK SEAKAR'**

Tanah Melayu dan Indonesia merupakan dua entiti politik yang mempunyai latar masyarakat yang secara umumnya serupa — pernah menempuh zaman Hindu-Buddha yang kemudiannya mengalami proses Islamisasi dengan pengaruh Adat berterusan dalam konteks baharu. Agama Islam dan Adat Melayu menjadi dua tenaga yang saling mendasari kehidupan. Kemudiannya, kedua-dua entiti ini mengalami proses pemodenan yang dilatari penentangan anti kolonial, pembinaan sebuah negara bangsa serta penyesuaian masyarakat dengan sistem politik baharu mengikut ideal demokrasi. Sehubungan itu, persoalan-persoalan wanita yang timbul di kedua-dua buah negara adalah serupa seperti hak penglibatan dalam politik, hak berserikat, hak pengundian, hak perwakilan dalam pembuatan keputusan dan hak terhadap pendidikan. Selain itu, terdapat isu undang-undang perkahwinan, anti poligami dan perkahwinan bawah usia. Namun demikian, di sebalik keserumpunan komuniti Tanah Melayu dan Indonesia, gerakan wanitanya berinteraksi dengan latar nasionalisme yang berlainan. Ia membayangkan mengapa gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia mempunyai reaksi yang berbeza terhadap isu yang serupa. Bagi membandingkan gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia, artikel ini cuba menjelaskan tiga aspek iaitu (i) cetusan dan perkembangan, (ii) sifat organisasi dan (iii) pencapaian hak wanita semasa kemerdekaan negara.

## **4. KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Ia bersesuaian dengan matlamat kajian ini yang cuba memerhatikan fenomena gerakan wanita. Pengumpulan maklumat dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan di Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Hamzah Sendut di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Arkib Negara Malaysia. Kesemua bahan berbentuk sumber primer dan sekunder yang dikumpulkan berbentuk tulisan. Ianya dianalisis untuk membina

sorotan kajian lepas, kerangka teori dan konsep seterusnya menjawab persoalan yang dikemukakan. Reka bentuk kajian ini dibangunkan berdasarkan beberapa aspek yang dibincangkan oleh Landman (2000) iaitu (i) perbandingan antara negara secara kualitatif, (ii) perbandingan sejumlah kecil negara kes iaitu *binary comparison*, (iii) rekabentuk kajian *most similar system design* (MSSD) dan (iv) kajian mengenai penentangan politik secara bukan kekerasan atau gerakan sosial.

## 5. FEMINISME NASIONALIS

Bagi membincangkan persoalan feminisme dan nasionalisme, teori berperanan sebagai pemacu kepada persoalan-persoalan yang perlu ditangani dalam konteks Tanah Melayu dan Indonesia. Sehubungan itu, 'feminisme nasionalis' mengandaikan bahawa isu golongan wanita berupaya untuk diselesaikan bergandingan dengan penyelesaian isu kebangsaan. Isu sebegini antaranya telah dibincangkan oleh Jayawardena (1986) yang meliputi konteks era pra merdeka dan West (1997) yang merangkumi konteks pra merdeka dan pasca merdeka. Dalam hal ini, perlulah ditegaskan bahawa kajian ini bukan termaktub dalam dua sudut pandang lain yang kelihatan 'sama tapi tak serupa' iaitu kajian 'Wanita dan Nasionalisme' (Yuval-Davis & Anthias 1989; Blackburn & Ting 2013) dan 'Gender dan Nasion' (Yuval-Davis 1997). Perbezaan di antara setiap perspektif harus difahami meskipun ia memerhati fenomena yang serupa.

## 6. PERBANDINGAN GERAKAN WANITA TANAH MELAYU DAN INDONESIA

Bahagian ini membincangkan secara umum tiga aspek gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia. Pertamanya, aspek cetusan dan perkembangan gerakan wanita. Kedua, setiap negara mempunyai sifat gerakan wanita yang serupa dan berbeza. Ketiga, pencapaian gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia menunjukkan bahawa hak wanita secara umum adalah sama daripada segi hasil agregasinya tetapi berbeza daripada segi proses artikulasinya.

### 6.1 Gerakan Wanita dalam Persekitaran Semangat Nasionalisme Era Pra Merdeka

Umumnya, kedua-dua gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia teretus daripada penglibatan bersama para aktivis politik wanita dalam perjuangan anti kolonial di kedua-dua buah negara (Stuers 1960; Ng et al. 2006). Kegiatan wanita dalam politik nasionalisme telah membangkitkan persoalan ketidakadilan yang bukan sahaja terhad kepada isu bangsa terjajah di bawah cengkaman dasar kolonial British dan Belanda. Ia turut diwarnai isu ketidakadilan gender yang boleh dilihat melalui peminggiran wanita daripada arus pemodenan pendidikan, pendemokrasian politik dan ekonomi kapitalisme.

Di Indonesia, pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, tokoh-tokoh pahlawan wanita telah berjuang untuk mempertahankan maruah bangsa dan kemerdekaan tanah air seperti Marta Christina Tiahahu (Maluku), Cut Nyak Dien (Acheh) dan Raden Ayu Ageng Serang (Jawa) — sekadar memetik beberapa nama (KOWANI 1986). Rintihan Raden Adjeng Kartini mengenai isu pendidikan, feudalisme dan adat kuno yang membelenggu wanita dan masyarakat dalam persekitaran pemerintahan Belanda yang menjalankan dasar *Cultuurstelsel* atau tanam paksa tercatat melalui surat kepada teman pena Estelle Zeehandelaar (Pramoedya 2003). Apatah lagi, gerakan wanita yang lebih tersusun berserta kongres perempuan peringkat kebangsaan didorong oleh Sumpah Pemuda 1928 untuk membentuk bangsa Indonesia (Stuers 1960). Sementara itu, di Tanah Melayu, meskipun gerakan wanita yang tersusun sepertimana di Indonesia masih belum menjelma sekitar dekad 1920-an dan 1930-an, agenda emansipasi wanita sebagai kunci kemajuan bangsa telahpun disuarakan oleh golongan intelektual Syed Sheikh Al-Hadi dan Za'ba (Sarji 2003; Arba'iyah 2012). Seruan awal tersebut dilanjutkan menerusi usaha Persatuan Guru Perempuan Johor (PGPJ) ke arah meningkatkan kadar celik huruf wanita dalam perjuangan pendidikan moden untuk kanak-kanak perempuan (Nik Safiah & Rokiah 2016). Permulaan

sekitar dekad 1930-an semakin menunjukkan hasil dengan meningkatnya jumlah sekolah dan bilangan pelajar perempuan di seluruh Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Mahani 2010). Selain itu, tokoh emansipasi wanita Melayu juga pemimpin PGPJ Ibu Zain menggunakan majalah *Bulan Melayu* untuk menyeru pembelaan dan penambahbaikan kualiti hidup wanita sealunan dengan suara ke arah kemajuan bangsa dan tanah air (Hemalatha & Habibah 1992).

Perkembangan gerakan wanita Tanah Melayu dan Indonesia turut dipengaruhi pasang surut arus nasionalisme. Pola kegiatannya adalah seirama dengan kegiatan politik bercorak kebangsaan. Berputiknya semangat nasionalisme turut membangkitkan artikulasi isu wanita melalui gerakan nasionalis yang akhirnya mengakibatkan dilema agenda kemerdekaan negara atau emansipasi wanita. Era awal membuka ruang kepada pertumbuhan gerakan wanita di kedua-dua negara. Sehingga sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua, di Indonesia, telahpun dianjurkan beberapa siri kongres wanita yang mengemukakan usulan-usulan terhadap pihak pemerintah. Di Tanah Melayu pula, sekitar tahap awal nasionalisme Perang Dunia Kedua, tumpuan gerakan wanita adalah kepada isu pendidikan. Dalam hal ini, pada dekad sebelum Perang Dunia Kedua, gerakan wanita Indonesia lebih terkehadapan dalam mengutarakan isu-isu hangat seperti undang-undang perkahwinan dan isu poligami.

Memasuki era pendudukan tentera Jepun (1941-1945), perkembangan gerakan wanita di kedua-dua negara terbantut. Hanya organisasi yang diizinkan oleh pihak pemerintah tentera Jepun sahaja wujud sebagai wadah aktivisme wanita seperti Fuzinkai di Indonesia (Sukanti 1984). Manakala di Tanah Melayu, organisasi wanita khusus iaitu Kor Perkhidmatan Sukarela Wanita Melayu ditubuhkan pada tahun 1944 (Makmor 2006). Aktiviti organisasinya bukan bersifat politik, sebaliknya berteraskan aktiviti kebajikan dan sosioekonomi untuk menyokong dasar pemerintahan tentera Jepun yang pada masa itu berkempen dengan gagasan Asia Raya. Setelah Proklamasi Kemerdekaan Indonesia, golongan wanita Indonesia bergiat dalam politik nasionalisme yang mana ia melambatkan tuntutan hak dan kepentingan wanita ditunaikan. Keadaan sama berlaku di Tanah Melayu. Wanita bergerak sederap parti-parti politik ketika itu yang tujuan utamanya adalah untuk memerdekakan tanah air dan berkerajaan sendiri.

## **6.2 Sifat Gerakan Wanita Era Pra Merdeka**

Salah satu aspek terpenting yang menghidupkan gerakan wanita ialah kewujudan organisasi. Terdapat pelbagai organisasi wanita di Tanah Melayu dan Indonesia. Salah satu sifat utama organisasi wanita ialah kedudukannya sebagai sebahagian daripada gerakan nasionalisme iaitu sebagai sayap wanita parti politik. Sehubungan itu, dalam struktur yang terhad ini golongan wanita cuba berbincang, mengemukakan usulan dan menyampaikan tuntutan-tuntutan mereka terhadap struktur pemerintahan atau pembuatan keputusan yang lebih tinggi autoritinya iaitu dengan menggubal undang-undang atau merangka dasar awam yang menjamin hak wanita.

Di Indonesia, organisasi wanita dicirikan oleh fasa-fasa sejarah pergerakannya. Pada tahap pertama (1912 - 1928), persatuan wanita adalah bersifat umum dan sukarela. Tahap ini ditanda mulakan dengan penubuhan organisasi wanita Indonesia pertama iaitu Puteri Merdeka sehingga tahun pertama penganjuran Kongres Perempuan Indonesia. Selanjutnya, pada tahun 1928 sehingga 1942, organisasi wanita bersifat sebahagian daripada persatuan berideologi nasional Indonesia Muda iaitu Keputrian Indonesia. Pada masa sama, telah terzahir dua jalur gaya perjuangan wanita Indonesia. Pertama, bersikap bekerjasama dengan pihak pemerintah iaitu Perikatan Perkumpulan Perempuan Indonesia (PPPI). Kedua, Isteri Sedar yang memiliki sikap konfrontasional dengan kolonial Belanda. Semasa pendudukan Jepun, sifat organisasi adalah mengikut acuan pemerintah Jepun. Meskipun terdapat organisasi politik wanita yang berautonomi seperti Partai Wanita Rakyat, sebahagian besar organisasi wanita lain terstruktur di bawah gerakan yang beridentitikan ideologi, agama dan wilayah (Sukanti 1984).

Seperti di Indonesia, gerakan wanita di Tanah Melayu juga memiliki sifat khusus mengikut dekad-dekad tertentu, serta diwarnai dengan identiti khusus, sama ada etnik, agama ataupun negeri. Young Women's Christian Association (YWCA) dengan identiti agamanya merupakan organisasi wanita terawal yang bersifat kebajikan dan sosial di Tanah Melayu. Pada tahun 1929, PGPJ iaitu organisasi wanita yang giat memperjuangkan isu pendidikan ditubuhkan. Ia berperanan sebagai penggerak perubahan sosial yang penting untuk wanita Melayu khusus pada dekad 1930-an. Acuan organisasi wanita di Tanah Melayu didominasi identiti etnik; Melayu, Cina dan India. Lebih-lebih lagi bagi sayap wanita parti politik. Antaranya, Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Kaum Ibu UMNO dalam UMNO bagi etnik Melayu; Wanita dalam Malayan Chinese Association (MCA); Rhani Jhansi Regiment dan Wanita MIC dalam Malayan Indian Congress (MIC) bagi etnik India (Nik Safiah & Rokiah 2016). Setelah membandingkan sifat gerakan wanita Tanah Melayu dan Indonesia, terdapat kekhususan di setiap negara yang mana ianya menjadi faktor kuat atau lemahnya gerakan wanita. Di Indonesia, gerakan wanita menandingi ketersusunan organisasi wanita di Tanah Melayu iaitu keupayaannya mengadakan persekutuan organisasi-organisasi wanita. Dengan adanya kesepakatan sedemikian, gerakan wanita bukan sahaja mempunyai struktur yang tersusun, malah berhasil menganjurkan siri-siri kongres wanita. Berbeza dengan gerakan wanita di Tanah Melayu, hingga tercapainya kemerdekaan, belum wujud sebarang kesatuan organisasi wanita yang merangkumi kepelbagaian etnik, agama mahupun ideologi, melainkan era pasca merdeka yang mana National Council Women's Organisations (NCWO) tertubuh secara rasmi pada 25 Ogos 1963 (Makmor 2006). Gerakan wanita Tanah Melayu era pra merdeka ini didominasi identiti etnik sekali gus menghalang kesatuan organisasi wanita.

### 6.3 Pencapaian Hak Wanita Era Pra Merdeka

Jelasnya, apa yang dicapai oleh gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia adalah serupa daripada segi tercapainya hak terhadap pendidikan, hak penglibatan dalam persatuan politik, hak pengundian dan hak-hak lain yang tidak bertentangan aspirasi nasionalisme. Meskipun di sisi undang-undang (*de jure*), pencapaian hak wanita telah banyak diperolehi, secara realitinya (*de facto*), masih terlalu jauh untuk gerakan wanita berpuas hati dengan apa yang dicapai. Isu-isu spesifik menyentuh kepentingan wanita tidak mendapat perhatian sewajarnya seperti isu undang-undang perkahwinan, perceraian, poligami mahupun hak wanita terhadap gaji sama bagi kerja yang sama dengan golongan lelaki.

Nasionalisme telah menjadi tenaga perubahan sosial wanita yang bersifat positif dan negatif. Golongan pemimpin nasionalis lelaki menyokong isu-isu yang dikemukakan wanita selagi ia selari dengan kepentingan gerakan nasionalisme. Namun, sokongan tersebut terbatas jika tuntutan melemahkan agenda nasionalisme. Agenda kemerdekaan negara yang menjadi ideologi dominan sewaktu itu telah menghadkan tuntutan gerakan wanita yang jelas bermotif pembelaan ketidakadilan gender terhadap wanita. Di Indonesia, isu-isu seperti perkahwinan secara paksa, perceraian tanpa pembelaan, poligami dan pendidikan wanita dan lelaki secara bersama menimbulkan pertentangan antara gerakan yang berbeza ideologi (Nani Soewondo 1984). Keadaan sedemikian menunjukkan bahawa isu hak wanita berupaya memecah belah kesatuan pelbagai gerakan. Di samping itu, pencapaian gerakan wanita Indonesia dihadkan oleh kerangka nasionalisme pada masa itu. Mereka berjaya menyuarakan isu poligami dan undang-undang perkahwinan tetapi tidak mencapai tahap agregasi tuntutan hak (Jayawardena 1986). Seperti di Indonesia, di Tanah Melayu, keutamaan diberi kepada agenda nasionalisme. Hal ini kerana apabila Khatijah Sidek mencadangkan parti politik khusus untuk wanita iaitu Kesatuan Wanita yang diyakini mampu menyuarakan suara wanita dengan lebih berkesan, ia tidak terlaksana (Saliha 2010). Begitu juga dengan pertentangan terbuka yang berlaku antara kaum ibu dan kaum bapa dalam Perhimpunan Agung UMNO 1954. Usul Kaum Ibu UMNO Selangor yang dibawa oleh perwakilannya Aishah Ghani untuk mengemukakan sendiri nama calon wanita daripada Kaum Ibu UMNO dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955 dikompromi kerana ia ditentang

hingga ditarik kembali demi mengelakkan pertelingkahan (Aishah 1992).

Sekelumit kes di atas menggambarkan keadaan politik feminisme dan nasionalisme. Meskipun pencapaian gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia secara umum adalah serupa, terdapat perbezaan yang agak ketara dalam undang-undang tertinggi kedua-dua buah negara. Dalam perlembagaan negara Indonesia, jaminan layanan sama rata antara wanita dan lelaki warganegara dinyatakan secara jelas dalam Undang-undang Dasar 1945 (Fatimatuz 2014). Sebaliknya, bagi Tanah Melayu, jaminan serupa tidak dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1957, melainkan hanya sejak tahun 2001, Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan menjamin kesamarataan wanita dan lelaki (Nik Safiah & Rokiah 2016).

## 7. KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, ternyata gerakan wanita di Tanah Melayu dan Indonesia adalah berbeza. Hal ini diperhatikan daripada segi kepesatan gerakan Indonesia yang melangsungkan kongres wanita di peringkat kebangsaan dengan pelbagai isu hak wanita dibincangkan untuk dikemukakan sebagai resolusi lazimnya untuk tujuan pembuatan undang-undang. Keadaannya berbeza dengan situasi di Tanah Melayu yang mana gerakan wanita berpeluang bersidang dan berbincang pada peringkat kebangsaan terhadap kepada isu-isu kepentingan orang Melayu dan usaha menuntut kemerdekaan. Selain itu, di Tanah Melayu, organisasi wanitanya masih lagi terpisah antara satu sama lain. Sementara itu, gerakan wanita di Indonesia telahpun lebih awal menubuhkan organisasi induk yang menaungi organisasi-organisasi wanita seluruh Indonesia iaitu Kongres Wanita Indonesia (KOWANI). Di Tanah Melayu, organisasi seumpamanya, NCWO ditubuhkan pada tahun 1963, kira-kira enam tahun selepas kemerdekaan. Sehubungan itu, isu-isu wanita yang diperjuangkan oleh gerakan wanita Indonesia turut lebih terkehadapan berbanding Tanah Melayu seperti isu poligami dan undang-undang keluarga yang menjamin kedudukan hak wanita. Walau bagaimanapun, sekalipun gerakan hak wanita di Indonesia lebih maju dan teratur, gerakan wanita di kedua-dua buah negara tersebut masih belum berupaya mencabar dominasi kuasa lelaki dalam hubungan gender, baik dalam ruang peribadi mahupun ruangan awam. Sesungguhnya, gerakan wanita semasa era pra merdeka di Tanah Melayu dan Indonesia adalah umumnya serupa daripada segi cetus dan perkembangan. Sifat organisasi juga lebih serupa dengan sedikit perbezaan. Akan tetapi, daripada segi pencapaian gerakan, ia menunjukkan perbezaan yang agak ketara.

## RUJUKAN

- Aishah Haji Abdul Ghani, 1992, *Aishah Ghani: memoir seorang pejuang*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2012. Kesedaran pendidikan wanita Melayu awal abad ke-20. Dlm. Azlizan Mat Enh & Rohani Abdul Ghani. (pnyt.). *Wanita dan Masyarakat*, hlm. 33-63. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Asiah Abu Samah. 1960. *The Malay Women Emancipation (1945-1957)*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Singapura.
- Blackburn, S. 2013. Suyatin Kartowiyono: a nationalist leader of the Indonesian women's movement. Dlm. Blackburn, S & Ting, H.M.H. (pnyt.). *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, hlm. 75-97. Singapura: NUS Press.

- Blackburn, S. & Ting, H.M.H. 2013. *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*. Singapura: NUS Press.
- Fatimatuz Zahra. 2014. Peran publik perempuan dalam parlemen (Studi analisis representasi wakil rakyat perempuan dalam lintas sejarah Indonesia. *Jurnal Studi Gender* 7(2): 255-276.
- Hee-Kang Kim. 2009. Should feminism transcend nationalism? a defense of feminist nationalism in South Korea. *Women's Studies International Forum* 32:108-119.
- Hemalatha Ramasamy & Habibah Ismail. 1992. *Dupa Sejarah: Penulisan Wanita Masa Lampau*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Jayawardena, K. 1986. *Feminism and Nationalism in the Third World*. New Jersey: Zed Books.
- Khatijah Sidek, 2010, *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- KOWANI. 1986. *Sejarah Setengah Abad Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Landman, T. 2000. *Issues And Methods in Comparative Politics: An Introduction*. London: Routledge.
- Mahani Musa. 2010. Wanita Melayu, kesedaran pendidikan dan pembentukan masyarakat Malaysia moden. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 38:1-24.
- Makmor Tumin. 2006. *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Martyn, E. 2005. *The Women's Movement in Post-Colonial Indonesia: Gender and Nation in a New Democracy*. Oxon: RoutledgeCurzon.
- Maznah Mohamad. 2002. At the centre and the periphery: the contribution of women's movements to democratization. Dlm. Loh, Kok Wah & Khoo, Boo Teik. (pnyt.). *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*, hlm. 216-240. Surrey: Curzon Press.
- Muhammad Rahimi Hasan. 2014. Gerakan nasionalisme (1945-1957) sebagai wadah emansipasi wanita Melayu. Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nani Soewondo, S.H. 1984. *Kedudukan Wanita Indonesia dalam Hukum dan Masyarakat*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Ng, C.C.S., Maznah Mohamad & Tan, Beng Hui. 2006. *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution*. Oxon: Routledge.
- Nik Safiah Karim & Rokiah Talib. 2016. *Pergerakan Wanita dalam Memperjuangkan Hak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pramoedya Ananta Toer. 2003. *Panggil Aku Kartini Saja*. Jakarta: Lentera Dipantara.

- Pujiati. 2007. Kelestarian perjuangan Kongres Wanita Indonesia (KOWANI): analisis pada masa kolonial dan pascakolonial. Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Ruhana Padzil. 2013. Tinjauan teori dan konsep: perjuangan wanita dalam politik di Tanah Melayu. *Sarjana* 28(2):1-20.
- Saliha Hassan. 2010. Pengenalan. Dlm. Khatijah Sidek. 2010. *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*, hlm. 17-31. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarji Kasim. 2003. Emansipasi Wanita Islam dalam Faridah Hanom: Penilaian Semula. Dlm. Sohaimi Abdul Aziz. (pnyt.). *Syed Syeikh Al-Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*, hlm. 99-117. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Stuers, C.V.D. 2008. *Sejarah Perempuan Indonesia: Gerakan dan Pencapaian*. Terj. Elvira Rosa, Paramita Ayuningtas & Dwi Istiani. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Sudhir Kumar Singh. 2010. *Feminism and Nationalism in the Third World*. New Delhi: MD Publications.
- Sukanti Suryochondro. 1984. *Potret Pergerakan Wanita di Indonesia*. Jakarta: C.V. Rajawali.
- Sunseri, L. 2000. Moving beyond the feminism versus nationalism dichotomy: an anti-colonial feminist perspective on aboriginal liberation struggles. *Canadian Women Studies* 20(2):143-148.
- Ting, H.M.H. 2013. Shamsiah Fakeh and Aishah Ghani in Malaya: Nationalists in Their Own Right, Feminists Ahead of Their Time. Dlm. Blackburn, S & Ting, H.M.H. (pnyt.). *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, hlm. 147-174. Singapura: NUS Press.
- Welyne Jeffrey Jehom. 2013. Lily Eberwein: Her life and involvement in the anti-cession movement in Sarawak. Dlm. Blackburn, S. & Ting, H.M.H. (pnyt.). *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, hlm. 175-197. Singapura: NUS Press.
- West, L.A. (pnyt.). 1997. *Feminist Nationalism*. New York: Routledge.
- White, S. 2013. Rasuna Said: Lioness of the Indonesian independence movement. Dlm. Blackburn, S & Ting, H.M.H. (pnyt.). *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, hlm. 147-174. Singapura: NUS Press.
- Wieringa, S. 2002. *Sexual Politics in Indonesia*. New York: Palgrave Macmillan.
- Yuval-Davis, N. & Anthias, F. 1989. *Woman – Nation – State*. London: MacMillan.
- Yuval-Davis, N. 1997. *Gender and Nation*. London: Sage Publications.